

▼26/07/21-16MST

R GB 26-07 00161 BC413

bah

Mahathir - UMNO

ANGGOTA UMNO PERLU TRRTMA KEPUTUSAN PERTANDINGAN

KOTA BAHARU, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menasihati semua bahagian UMNO supaya menerima semua keputusan hasil pertandingan jawatan-jawatan dalam parti.

Dr Mahathir juga Presiden UMNO berkata, semua pihak mesti menerima keputusan dan selepas pertandingan mereka haruslah merapatkan semula barisan dalam parti.

"Kalau ada pertandingan, lepas itu tak sanggup terima calon yang menang, kerana dia bukan calon kita, ini bermakna kita tak faham cara-cara demokrasi dan kita tidak matang", katanya selepas mempengerusikan mesyuarat perhubungan UMNO Kelantan di sini malam ini.

Perdana Menteri yang juga pengerusi badan perhubungan UMNO Kelantan berkata badan perhubungan UMNO negeri ini tidak memberi sebarang arahan kepada mana-mana bahagian berhubung pertandingan jawatan tertentu di negeri ini.

Beliau juga menafikan bahawa pemilihan jawatan dalam UMNO Kelantan ditangguhkan, kerana proses pemilihan UMNO negeri tetap dijalankan seperti UMNO di negeri-negeri lain. -- Lagi

▼26/07/23-37MST

R GB 27-07 00199 BC414

bah

Mahathir - UMNO 2 (Akhir) Kota Baharu

Ditanya pendirian baru Jepun mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dinyatakan pada Persidangan Selepas Mesyuarat Menteri-menteri Asean (PMC) di Singapura, Dr Mahathir berkata beliau menyambut baik perkara itu.

Katanya Malaysia akan menyusuli perkara ini dengan mengadakan perbincangan lanjut dengan Jepun mengenai EAEC.

Ketika diminta mengulas mengenai cadangan kerajaan negeri Johor meluluskan undang-undang menyekat budaya lepak, Perdana Menteri berkata beliau masih belum mengkaji langkah kerajaan negeri itu.

Beliau berkata jika masyarakat menganggap ia berlaku kerana terlalu banyak pelajaran dikatakan sebagai satu beban, secara tidak langsung masyarakat bersimpati dengan perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Beliau mempersoalkan kenapa budaya lepak cuma menyerang pelajar Melayu sedangkan pelajar kaum lain terutama pelajar Cina lebih berat bebanan mereka untuk belajar.

"Kalau kita perhatikan di pusat membeli-belah, golongan yang ramai ialah pelajar Melayu sedangkan pelajar Cina boleh dikatakan kurang sedangkan bebanan belajar mereka lebih berat daripada pelajar Melayu", kata Dr Mahathir.

Ini kerana pelajar Cina belajar dalam bahasa yang bukan bahasa ibunda seperti Bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin tetapi mereka dapat menguasainya dan tidak berasa tertekan, katanya. -- Bernama.

NH HT RON

▼27/07/00-03MST